



**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
SMART VACUUM WITH IOT**

NAMA	NO.PENDAFTARAN
NUR ATHIRAH SYUKRIAH BINTI YUNUS	08DMP18F1090
MUHAMMAD SAFWAN FAIZ BIN AHMAD YUSRI	08DMP18F1099
MUHAMMAD RIDHUAN BIN MOHD NOR	08DMP18F1116

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

JUN 2020

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

SMART VACUUM WITH IOT

NAMA	NO.PENDAFTARAN
NUR ATHIRAH SYUKRIAH BINTI YUNUS	08DMP18F1090
MUHAMMAD SAFWAN FAIZ BIN AHMAD YUSRI	08DMP18F1099
MUHAMMAD RIDHUAN BIN MOHD NOR	08DMP18F1116

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Diploma
Kejuruteraan Mekanikal**

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

JUN 2020

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

TAJUK: SMART VACUUM WITH IOT

SESI : JUN 2020

1. Kami, **1. NUR ATHIRAH SYUKRIAH BINTI YUNUS (08DMP18F1090)**
 2. MUHAMMAD SAFWAN FAIZ BIN AHMAD YUSRI (08DMP18F1099)
 3. MUHAMMAD RIDHUAN BIN MOHD NOR (08DMP18F1116)

adalah pelajar tahun akhir **Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**, yang beralamat di **Persiaran Usahawan, 40150 Shah Alam, Selangor.**

2. Kami mengakui bahawa Smart Vacuum With IOT dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya/reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.

3. Kami bersetuju melepaskan pemilihan harta intelek Smart Vacuum With IOT kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan **Diploma Kejuruteraan Mekanikal** kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh:

a) NUR ATHIRAH SYUKRIAH BINTI YUNUS

(No. Kad Pengenalan :- 000409-02-0462),

.....

NUR ATHIRAH SYUKRIAH
BINTI YUNUS

b) MUHAMMAD SAFWAN FAIZ BIN AHMAD YUSRI

(No. Kad Pengenalan:- 000129-11-0017) dan

.....

MUHAMMAD SAFWAN
FAIZ BIN AHMAD YUSRI

c) MUHAMMAD RIDHUAN BIN MOHD NOR

(No. Kad Pengenalan:- 001121-11-0367)

.....

MUHAMMAD RIDHUAN
BIN MOHD NOR

Di hadapan saya,

NURUS SADIQIN BINTI ABDUL RAZAK KHAN

(No. Kad Pengenalan:-000111-11-1111)

.....

NURUS SADIQIN BINTI
ABDUL RAZAK KHAN

sebagai penyelia projek: SMART VACUM WITH IOT

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyiapkan projek dan laporan pada masa yang telah ditetapkan. Dengan berkat, usaha gigih dan kerjasama dari semua ahli kumpulan kami, projek Smart Vacuum With IOT dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi penghargaan yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Puan Nurus Sadiqin Binti Abdul Razak Khan selaku penyelia bagi projek Smart Vacuum With IOT kami kerana beliau telah banyak membantu dengan memberi tunjuk ajar, saranan dan penekanan serta memantau projek yang kami laksana agar berjalan dengan lancar.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan pendapat kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Selain itu, tidak dilupakan kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan projek ini.

Di kesempatan ini juga tidak dilupakan, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa kami dan seluruh ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan, dorongan dan semangat sepanjang projek ini dijalankan. Akhir sekali, terima kasih kepada sesiapa yang membantu kami dalam menyiapkan projek ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Smart Vacuum With IOT merupakan mesin yang berfungsi untuk menyedut habuk dan kotoran, kebiasaannya dari lantai. Produk ini melakukan kerja secara automatik dan tidak mengeluarkan tenaga yang banyak dalam proses membersihkan lantai. Situasi yang dapat kita lihat seringkali berlaku di dalam bengkel foundri adalah kesukaran untuk membersihkan lantai yang berdebu. Kaedah yang diguna pakai sekarang ialah membersihkan hanya dengan menggunakan penyapu dan mop. Ia mengambil masa yang agak lama untuk melakukan kerja pembersihan tersebut kerana bengkel foundri sangat luas. Selain itu, terdapat juga debu-debu yang telah tercampur dengan air akan melekat di lantai dan ia menjadi sukar untuk dibersihkan menggunakan penyapu dan mop. Antara masalah utama yang dihadapi sebelum inovasi diperkenalkan ialah masalah pengambilan masa yang panjang untuk membersihkan lantai yang luas, pengguna juga akan sukar bernafas disebabkan oleh saluran pernafasan tersumbat dengan habuk-habuk yang terdapat dalam bengkel dan kesakitan pada bahagian pinggang dan tangan akan berlaku kerana pengguna perlu membongkokkan badan untuk membersihkan habuk yang berada di bawah meja. Objektif utama produk ini ialah mereka bentuk satu mesin yang dapat mempercepatkan proses membersihkan lantai berbanding sistem manual yang sedia ada. Selain itu, mengurangkan penggunaan tenaga pengguna, tidak menggunakan masa yang agak lama untuk membersihkan lantai dan dapat mengelakkan risiko kecederaan agar lebih terjamin. Alat ini mampu menyedut habuk dengan kawalan Internet Of Things (IOT) iaitu secara automatik yang dapat mempercepatkan proses pembersihan. Produk ini ditambahbaikkan dengan ciri keselamatan yang kuat agar pengguna tidak tercedera semasa membersihkan lantai. Justeru ia mudah dan selamat digunakan.

Kata kunci : Vacuum, Internet Of Things (IOT), Habuk

ABSTACT

Smart Vacuum With IOT is a machine that works to stuck dust and dirt, usually from the floor. This product does the job automatically and does not expend much energy in the process of cleaning the floor. The situation that we can often see happening in the foundry workshop is the difficulty of cleaning the dusty floor. The method used now is to clean only by using a broom and mop. It took quite a while to do the cleaning work because the foundry workshop was very spacious. In addition, there is also dust that has been mixed with water will stick to the floor and it becomes difficult to clean using a broom and mop. Among the main problems faced before the innovation was introduced is the problem of taking a long time to clean a large floor, users will also have difficulty breathing due to airways clogged with dust found in the workshop and pain in the waist and hands will occur because users need bend the body to clean the dust that is under the table. The main objective of this product is to design a machine that can speed up the floor cleaning process compared to existing manual systems. In addition, reducing consumer energy consumption, does not take a long time to clean the floor and can avoid the risk of injury to be more secure. This device is able to inhale dust with the control of Internet Of Things (IOT) which is automatic which can speed up the cleaning process. This product is enhanced with strong safety features so that users are not injured while cleaning the floor. Therefore it is easy and safe to use.

Keyword : Vacuum, Internet Of Things (IOT), Dust

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iii
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SIMBOL	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Objektif	2
	1.4 Pernyataan Masalah	2
	1.5 Skop Kajian	3
	1.6 Kepentingan Kajian	3
	1.7 Takrifan Istilah	4
	1.8 Rumusan Bab	4
2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan Bab	5
	2.2 Konsep / Teori	5
	2.3 Kajian Terdahulu	11
	2.4 Rumusan Bab	13

3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan Bab	14
	3.2 Kaedah Pengumpulan Data	17
	3.3 Reka Bentuk Projek	17
	3.4 Anggaran Kos	19
	3.5 Rumusan Bab	19
4	HASIL DAPATAN	
	4.1 Pengenalan Bab	20
	4.2 Hasil Dapatan Pengujian	20
	4.3 Analisa Projek/Produk	23
	4.4 Rumusan Bab	23
5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	24
	5.2 Perbincangan	24
	5.3 Kesimpulan	25
	5.4 Cadangan	25
	5.5 Rumusan Bab	26
	RUJUKAN	27
	LAMPIRAN	28

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.4.1	Anggaran Kos	19
4.2.1	Hasil Dapatan Pengujian	21

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.2.1	Konsep Pergerakan Mekanikal	6
2.2.2	Konsep Arduino	7
2.2.3	Konsep Wifi Bluetooth	9
2.2.4	Konsep Roda	10
2.3.1	Vakum Robotik	11
2.3.2	Vakum Biasa	12
2.3.3	Vakum NT 30/1 Ap L	12
3.1.1	Carta Alir Metodologi	16
3.3.1	Reka Bentuk Projek	18
4.2.1	Graf Garis Perbandingan Projek Dengan Vakum-Vakum Lain	22

SENARAI SIMBOL

Simbol

V	voltan
I	input
O	output
W	watt
ml	milliliter

SENARAI SINGKATAN

DC	Direct Current
RPM	Rotation Per Minute
IOT	Internet Of Things
IPB	Internet Pelbagai Benda
GNU	General Not Unix
LGPL	Lesser General Public License
GPL	General Public License
DIY	Do It Yourself
USB	Universal Serial Bus
DLL	Dan Lain-Lain
SOC	System On A Chip
TCP	Transmission Control Protocol
IP	Internet Protocol
APSD	Automatic Power Save Delivery
VOIP	Voice Over Internet Protocol
RF	Radio Frekeunsi

BAB 1

Pengenalan

Bab ini akan memberi pengenalan asas tentang bagaimana untuk menghasilkan projek ini.

Bab ini juga mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, objektif projek, skop kerja, metodologi ringkas, carta aliran dan struktur laporan.

1.1 PENDAHULUAN

Projek akhir ini merupakan ilham yang tercetus berdasarkan masalah yang wujud di bengkel kayu pada masa kini. Idea mereka bentuk vakum ini adalah jalan penyelesaian yang produktif dan bersesuaian dengan keperluan di bengkel kayu. Alat pembersih yang sedia ada seperti penyapu, mop dan berus memerlukan tenaga dan masa yang banyak untuk menjalankan kerja pembersihan. Pelajar akan mempunyai masalah untuk menjalankan kerja pembersihan kerana apabila mereka menggunakan mop atau penyapu dengan tempoh yang lama, mereka akan berasa sakit pinggang dan lenguh.

Tujuan kami menghasilkan alat ini adalah kerana faktor yang sering berlaku di bengkel kayu iaitu kesihatan kerana apabila seseorang pelajar menyapu debu di bengkel ia akan menyebabkan debu itu berterbangan yang akan menyebabkan sesetengah pelajar akan mendapat penyakit seperti selsema dan sesak nafas kerana debu-debu tersebut. Oleh itu, vakum ini direka khas bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan debu di lantai tersebut. Komponen-komponen untuk menghasilkan vakum ialah DC Motor, Arduino Uno, Arduino For Bluetooth, dan Relay 1 Channel.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Situasi yang dapat kita lihat seringkali berlaku di dalam bengkel foundri adalah kesukaran untuk membersihkan lantai yang berdebu. Kaedah yang diguna pakai sekarang ialah membersihkan hanya dengan menggunakan penyapu dan mop. Ia mengambil masa yang agak lama untuk melakukan kerja pembersihan tersebut kerana bengkel foundri sangat luas. Selain itu, terdapat juga debu-debu yang telah tercampur dengan air akan melekat di lantai dan ia menjadi sukar untuk dibersihkan menggunakan penyapu dan mop.

1.3 OBJEKTIF

Objektif projek ini adalah untuk:

- Menambah baik masa dalam membersihkan bengkel melalui kaedah manual ke kaedah automatik
- Menghasilkan Mesin Vakum dengan IoT yang boleh membantu dan memudahkan pengguna dalam membersihkan bengkel dengan lebih berkesan
- Mengurangkan penggunaan tenaga dan masa dalam membersihkan bengkel
- Menyedut habuk dan kotoran, kebiasaannya dari lantai

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Vakum merupakan peralatan elektrik yang menggunakan pam udara bagi menghasilkan keadaan vakum separa untuk menyedut habuk dan kotoran dari lantai dan sebagainya. Pada masa kini, pengguna terlalu sibuk dengan urusan seharian jadi dengan adanya vakum yang menggunakan prinsip IoT ini maka para pengguna dapatlah menjimatkan masa dan tenaga mereka.

Dalam membersihkan bengkel adalah sangat rumit dan memerlukan tenaga yang banyak serta memakan masa yang lama. Alatan pembersihan yang sedia ada di pasaran seperti penyapu, mop dan berus hanya menggunakan kaedah secara manual di mana para pengguna perlu membongkokkan badan untuk membersihkan habuk yang berada di lantai. Jika habuk yang ingin dibersihkan banyak maka masalah seperti kesakitan pada bahagian pinggang dan tangan akan berlaku. Oleh sebab itu, para pengguna sukar untuk membersihkan bengkel dengan sempurna. Selain itu, pengguna juga akan sukar bernafas. Ini disebabkan oleh saluran pernafasan tersumbat dengan habuk-habuk yang terdapat dalam bengkel. Apabila pengguna menggunakan penyapu maka habuk-habuk yang berterbangan di udara akan menyebabkan pengguna yang mengalami asma lebih cenderung untuk sesak nafas yang lebih kritikal.

1.5 SKOP KAJIAN

Memandangkan kebimbangan terhadap ruang lingkup kerja semasa melakukan projek ini, maka ia mesti dibuat betul. Skop kerja disenaraikan di bawah:

- Mesin ini direka khas untuk kegunaan pelajar di bengkel
- Mencipta reka peralatan yang menjimatkan ruang dan kos
- Diguna pakai dalam bengkel
- Pelbagai jenis objek dan habuk boleh disedut
- Alat ganti mudah didapati dan diselenggara

Bagi skop projek ini ia merangkumi rekaan, peralatan yang hendak digunakan, pemasangan peralatan dan ujian pemasangan. Ia juga melibatkan kos pembelian peralatan bagi menghasilkan projek ini.

Rekaan ini menggunakan mesin vakum yang sedia ada dan telah diubah suai dan diperbaharui dengan membesarkan ruang membuang sampah dan menggunakan prinsip IoT serta menjadikannya lebih efisien. Rekaan ini menggunakan 4 DC motor pergerakan yang mempunyai kuasa sebanyak 6V 260RPM dan 1 DC motor yang berkuasa sebanyak 12V 22400 RPM bagi menyedut habuk.

Selain itu, litar juga digabungkan bagi mengawal vakum dengan menggunakan bluetooth dan aplikasi yang terdapat pada telefon. Projek ini menggunakan bateri yang berketahanan tinggi serta digabungkan juga wayar yang disambungkan kepada suis sebagai langkah utama yang perlu dilakukan apabila bateri habis. Projek ini juga dilengkapi dengan butang keselamatan apabila berlaku sesuatu yang tidak diingini.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Memudahkan kerja pengguna. Dengan adanya vakum ini maka pengguna tidak perlu menggunakan tenaga yang banyak yang akan meletihkan diri mereka.
2. Dapat digunakan dalam jangka masa yang panjang.
3. Mudah disimpan dan dibawa
4. Mudah untuk membersihkan sesuatu seperti habuk dan sampah kecil yang berada di tempat yang sukar untuk dibersihkan.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Mengikut kamus Dewan Edisi Keempat Vakum membawa maksud ruang yang tidak mengandungi jirim, ruang yang udaranya telah dikeluarkan dan ruang yang gasnya wujud pada tekanan yang rendah.

Internet of Things (IoT), (Internet Pelbagai Benda; IPB), merujuk kepada segala peranti elektronik (ataupun dikenali sebagai objek) yang berkomunikasi sesama sendiri melalui Internet. Teknologi daripada telefon pintar kepada persekitaran pintar, seperti jam pintar, kereta pintar, rumah pintar malahan boleh seluas bandar pintar. Antara contoh yang mendapat tempat pada hari ini ialah jam tangan pintar untuk pemantauan kesihatan grid elektrik pintar, kereta pintar yang masih dalam fasa ujikaji oleh Google, dan dron untuk automasi pertanian & pemantauan kemajuan di tapak kerja pembinaan. Internet Pelbagai Benda (IPB) didorong oleh empat perkara:

- Inovasi di dalam komponen elektronik, dipandukan oleh Hukum Moore yang berjaya mengurangkan saiz transistor untuk cip elektronik
- Kos penerima bersambung ke Internet yang semakin murah
- Peningkatan pada kadar tembusan Internet sedunia
- Adaptasi mudah kepada peranti pintar.

1.8 RUMUSAN BAB

Di dalam bab ini, terdapat beberapa maklumat mengenai pernyataan masalah projek dan tujuan projek ini dijalankan. Selain itu, objektif untuk menjalankan projek adalah jelas untuk membantu pelajar dan pekerja dalam membuat kerja pembersihan agar ia menjadi lebih mudah dan maju pada era moden.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN BAB

Pada era moden, manusia semakin banyak mencipta teknologi-teknologi canggih. Oleh itu, untuk menghasilkan sesuatu teknologi haruslah membuat kajian mendalam. Semakan kesusasteraan adalah rujukan dan panduan yang digunakan untuk memastikan reka bentuk direka untuk memenuhi spesifikasi kejuruteraan dan memenuhi keperluan pengguna sekarang agar dapat dikomersial di dalam dan luar negara. Kajian ini perlu dilaksanakan untuk memenuhi ciri-ciri yang dibenarkan. Adalah penting bahawa reka bentuk sepadan dengan aspek kejuruteraan reka bentuk.

Pada permulaan kajian, perancangan dibuat untuk memastikan reka bentuk akan dipenuhi. Konsep skop projek agar menepati projek yang diinginkan. Usaha dalam mencari bahan rujukan adalah satu faktor yang penting bagi menjamin keberkesanan keseluruhan projek dan laporan disiapkan. Maka dengan ini, beberapa maklumat berkaitan projek telah dicari dan dikumpulkan agar projek ini dikenali dan dapat berfungsi dengan baik. Hasil kajian akan diproses dan diterapkan di reka bentuk untuk memenuhi spesifikasi yang tepat dan memenuhi keperluan projek diploma.


2.2 KONSEP / TEORI

Dalam penghasilan sesebuah projek, teknologi memainkan peranan untuk suatu benda kerja beroperasi dengan lancar dan sistematik. Dengan adanya Smart Vakum ini, para pengguna tidak lagi menggunakan kaedah secara manual dalam pembersihan pada bengkel kayu di institusi kerana Smart Vakum yang akan dihasilkan menggunakan pergerakan secara automatik dengan menggunakan telefon pintar dimana konsep paling utama yang diguna pakai dalam pembinaan projek ini adalah membersihkan dan bergerak secara automatik. Pada mulanya, vakum yang sedia ada dihasilkan dengan menggunakan kaedah secara manual dimana para pengguna menggunakan tangan untuk mengawal hos pada mesin vakum tersebut.

Sekiranya seseorang pelajar ingin membersihkan habuk dibengkel, ini akan menimbulkan masalah kesihatan pada sesetengah pelajar yang alahan kepada udara yang tidak bersih. Selain itu, apabila seseorang pelajar ingin membersihkan bengkel dengan menggunakan penyapu ia akan membuat pelajar mengalami masalah sakit belakang kerana bengkel di setiap institusi yang bersaiz agak besar. Jadi, proses mereka bentuk dan membuat pelaksanaan projek dengan mengaplikasikan konsep-konsep mekanikal amatlah penting bagi memudahkan kerja-kerja membersih oleh pengguna. Selain itu, kesan kelemahan yang dialami oleh pengendali projek adalah minimum.

2.2.1 KONSEP PERGERAKAN MEKANIKAL

Apabila kita merujuk pada Kamus Dewan Edisi Ketiga, pengenalan kepada pergerakan mekanikal ditakrifkan sebagai sesuatu perbuatan bergerak. Di dalam kamus pelajar pula, fenomena pergerakan mekanikal ditakrifkan sebagai suatu keadaan bergerak. Oleh itu, secara keseluruhannya pergerakan mekanikal dapat ditakrifkan sebagai suatu keadaan yang bergerak dari satu titik ke titik yang lain. Pergerakan mekanikal adalah satu mekanisme atau sistem yang membolehkan barangan berfungsi, bergerak atau berputar. Pergerakan mekanikal digunakan dalam kehidupan seharian untuk menyenangkan dan memudahkan kerja manusia. Secara umum, pergerakan mekanikal digunakan untuk memindahkan suatu sumber pergerakan iaitu input melalui proses untuk menghasilkan suatu pergerakan yang lain iaitu output.



Rajah 2.2.1 Konsep Pergerakan Mekanikal

Sistem mekanikal yang digunakan dalam kehidupan harian biasa menggabungkan kedua-dua pergerakan linear dan pusingan untuk menghasilkan kerja. Pergerakan mekanikal boleh dihasilkan secara manual atau motor elektrik. Pergerakan mekanikal adalah mekanisme atau sistem yang membolehkan semua objek berfungsi, bergerak atau berputar. Pergerakan mekanikal boleh dihasilkan melalui manual, mesin dan motor elektrik.

Pergerakan mekanikal secara manual dikendalikan dengan tangan atau tenaga manusia fizikal. Alatan-alatan yang boleh kita perhatikan untuk memahami mekanisme pergerakan yang memerlukan pergerakan secara manual adalah gerudi tangan, bicu, skru pemutar dan sebagainya. Kesemua alat ini harus dikendalikan dengan menggunakan tenaga manusia tanpa melibatkan tenaga listrik. Untuk pergerakan projek kami, Smart Vakum direka khas yang mempunyai pergerakan yang menarik yang dapat dikawal menggunakan aplikasi yang terdapat dalam telefon bimbit.


2.2.2 KONSEP ARDUINO



Rajah 2.2.2 Konsep Arduino

Arduino adalah perkakasan komputer dan syarikat perisian, projek, dan komuniti pengguna sumber terbuka yang mereka bentuk dan mengeluarkan mikrokontroler tunggal dan kit mikrokontroler untuk membina peranti digital dan objek interaktif yang dapat merasakan dan mengawal objek dalam dunia fizikal. Produk projek diedarkan sebagai perkakasan dan perisian sumber terbuka, yang dilesenkan di bawah Lisensi Umum GNU (LGPL) atau GNU General Public License (GPL), membenarkan pembuatan papan Arduino dan pendedaran perisian oleh sesiapaapun. Papan Arduino boleh didapati secara komersil dalam bentuk yang telah disediakan, atau seperti yang dilakukan sendiri (DIY).

Reka bentuk papan Arduino menggunakan pelbagai mikro pemproses dan pengawal. Papan ini dilengkapi dengan set pin input / output digital dan analog (I / O) yang boleh dihubungkan ke pelbagai papan pengembangan (perisai) dan litar lain. Papan mempunyai antara muka komunikasi bersiri, termasuk Universal Serial Bus (USB) pada beberapa model, yang juga digunakan untuk memuatkan program dari komputer peribadi. Mikro kawalan biasanya diprogramkan menggunakan dialek ciri dari bahasa pengatur-caraan C dan C ++. Selain menggunakan alat pengatur tradisional, projek Arduino menyediakan persekitaran pembangunan bersepadu (IDE) berdasarkan projek bahasa pemprosesan.



Senarai Komponen Arduino

Komponen Arduino:

1. Sambungan USB

Berfungsi sebagai tempat untuk membekalkan tenaga dengan menggunakan kabel USB dari bekalan kuasa dinding.

2. Tanah

Terdapat beberapa pin tanah di arduino dan mana-mana pin boleh digunakan untuk litar.

3. 5 Volt

Bekalkan kuasa 5 volt.

4. 3 Volt

Bekalkan kuasa 3 volt.

5. Analog

Luas pin di bawah label 'Analog In' (A0 hingga A5 pada UNO) adalah pin Analog In. Ia memperoleh nilai isyarat analog. Fungsi ini menukar nilai voltan pada pin input analog dan mengembalikan nilai digital.

6. Digital

digunakan untuk kedua input digital seperti memberitahu jika butang ditekan dan output digital.

7/8. Pulse-width Modulation(PWM)

Pandu motor dengan pelbagai kelajuan. Kekerapan isyarat pada kebanyakan pin adalah sekitar 490Hz.

9. Butang Tetapkan Semula

Mendorongnya akan menghubungkan pin reset ke tanah untuk sementara dan memulakan semula kod yang dimuat di Arduino. Ini sangat berguna sekiranya kodnya tidak berulang, tetapi anda ingin mengujinya berkali-kali.

10. Petunjuk LED Kuasa

LED ini menyala setiap kali palam Arduino menjadi sumber kuasa.

11. LED TX RX

TX adalah kependekan untuk penghantaran dan RX adalah kependekan untuk penerimaan. terdapat dua tempat di Arduino di mana TX dan RX muncul, sekali dengan pin digital 0 dan 1. LED ini akan memberi kita beberapa petunjuk visual yang bagus setiap kali Arduino kita menerima atau menghantar data 16

12. Litar Bersepadu Utama

Sebagai otak Arduino. Ini mungkin penting, kerana anda mungkin perlu mengetahui jenis IC (bersama dengan jenis papan anda) sebelum memuatkan program baru dari perisian Arduino.

13. Pengatur Voltan

Mengawal jumlah voltan yang masuk ke papan Arduino. Bertindak sebagai sejenis penjaga pintu. Ia akan mematikan voltan tambahan yang mungkin membahayakan litar. Ia mempunyai hadnya, tidak dapat menghubungkan Arduino ke sesuatu yang lebih besar daripada 20 volt.

2.2.3 KONSEP WIFI BLUETOOTH



Rajah 2.2.3 Konsep Wifi Bluetooth

Bluetooth adalah teknologi memindahkan data (fail, suara, nombor dll) dari satu device ke satu device yang lain tanpa menggunakan wayar (wireless). Module ini mempunyai 4 pin yang mana keempat-empat ini akan disambungkan secara terus pada Arduino Uno. Modul WiFi ESP8266 adalah SOC terkandung sendiri dengan susunan protokol TCP / IP yang bersepadu yang boleh memberikan akses mikrokontroler kepada rangkaian WiFi anda. ESP8266 mampu sama ada menghoskan aplikasi atau memunggah semua fungsi rangkaian Wi-Fi dari pemproses aplikasi lain. Setiap modul ESP8266 datang dengan pra-diprogramkan dengan firma firmware set AT, yang bermaksud, anda boleh menyambungkan peranti ini ke peranti Arduino anda dan mendapatkan lebih banyak kemampuan WiFi sebagai WiFi Shield menawarkan (dan itu hanya keluar dari kotak). Modul ini mempunyai keupayaan pemrosesan dan penyimpanan yang berkuatkuasa di atas papan yang membolehkan ia disepadukan dengan pergerakan. Tahap integrasi cip yang tinggi membolehkan litar luaran minimum, termasuk modul hadapan, direka untuk memenuhi kawasan yang minimum. ESP8266 menyokong APSD untuk aplikasi VoIP dan antara muka Bluetooth, ia mengandungi RF yang dikalibrasi diri yang membolehkannya bekerja di bawah semua keadaan operasi, dan tidak memerlukan bahagian luaran. Terdapat sumber maklumat yang hampir tidak terbatas untuk ESP8266, yang semuanya telah disediakan oleh sokongan masyarakat yang luar biasa. Modul ini menjadi penyelesaian IoT (Internet of Things).

2.2.4 KONSEP RODA

Roda adalah satu alat bulat yang berupaya berputar pada paksinya dan ia memudahkan pergerakan atau pengangkutan. Selain itu, roda juga boleh digunakan untuk melakukan kerja melalui mesin. Contoh yang boleh didapati seperti dalam penggunaan pengangkutan. Lebih umum lagi, istilah ini juga digunakan untuk objek-objek yang berputar atau memutar seperti tembikar roda, kapal roda, dan tenaga roda.

Dari segi mekanikal, roda dianggap sebagai salah satu mesin mudah dan berkedudukan dekat dengan titik permulaan teknologi manusia, yang maju dari segi perbandingan dengan inovasi mekanik inovasi yang lebih awal, seperti pisau dan kapak batu / tulang, peluncur berasaskan tegangan, pencedok, dan penyodok. Tetapi, dalam pelaksanaan projek Smart Vakum ini kami menggunakan roda pergerakan ke depan ke belakang atau ke kanan ke kiri.



Rajah 2.2.4 Konsep Roda

2.3 KAJIAN TERDAHULU & MESIN TERDAPAT DI PASARAN

Terdapat beberapa jenis vakum yang masing-masing mempunyai bentuk dan spesifikasi yang berbeza. Ada juga agen-agen kerajaan yang mengeluarkan mesin-mesin yang lebih canggih tetapi itu hanya iklan semata-mata kerana yang canggih akan membuat kos mesin terlalu mahal dan tidak mampu untuk setiap rumah memiliki. Oleh itu, Agensi Kerajaan mesin-mesin dipertanggungjawabkan membuat penyelidikan untuk menghasilkan penyelesaian dengan membangun mesin, mekanisasi atau automasi sistem yang sesuai dengan suasana pengguna. Mesin tersebut tidak sesuai untuk rekaan bentuk yang besar dan tidak sesuai bila diletakkan di rumah. Ianya juga memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan mesin seperti itu. Mesin tersebut hanya sesuai untuk kilang-kilang dan industri. Bagaimanapun, penghasilan mesin tersebut tidak semudah yang disangka kerana selain daripada faktor memudahkan dan mempercepatkan kerja, faktor kualiti perlu diambil kira. Ini kerana mesin yang terlalu mahal dan tidak dapat mengekalkan kualiti seperti diusahakan secara manual tidak akan diterima. Kami mengambil inisiatif untuk membangunkan projek itu dengan mempertimbangkan semua faktor tersebut.

a) Vakum Robotik



Rajah 2.3.1 Vakum Robotik

Dilengkapi dengan teknologi kecekapan pembuatan, ia boleh melakukan lebih daripada membersihkan ruang yang kotor dan berhabuk. Dilengkapi dengan ciri-ciri membersihkan ruang yang hebat, A&S oleh Neatsvor Pembersih Vakum Robot V390 mampu mengubah kuasa sedutan secara automatik, mengikut mod pembersihan yang berbeza. Malah ia juga memiliki berat yang ringan sekitar 2.5kg serta mempunyai kawalan WiFi dan pengecasan automatik.

Sementara itu, A&S oleh Neatsvor Pembersih Vakum Robot X500 memiliki empat mod pembersihan yang direka untuk memenuhi keperluan yang berbeza. Ianya boleh dikawal dengan menggunakan aplikasi ataupun alat kawalan jauh. Ciri-cirinya termasuklah menyapu atau penyeret pintar, persamaan mop, kuasa sedutan yang kuat, perancangan pintar dan kawalan WiFi. Kedua-dua pembersih vakum mempunyai kapasiti 600ml kotak debu.

b) Vakum Biasa



Rajah 2.3.2 Vakum Biasa

Saiznya yang kecil memudahkan penyimpanan dan agak portable untuk di bawa bersama. Dengan saiz sekecil itu, pengguna dapat menjimatkan ruang penyimpanan mereka, malah boleh diletakkan di bawah katil tanpa masalah. Ia mempunyai kabel sehingga 5 meter sesuai untuk membersihkan rumah walaupun pada jarak soket yang jauh.

Mempunyai 5 layer penapisan untuk meningkatkan kadar pembersihan dan mengelakkan daripada beg habuk mudah rosak. Juga terdapat ciri keselamatan seperti Dust Bag Indicator yang akan bertindak apabila beg habuk sudah penuh.

c) Vakum NT 30/1 Ap L



Rajah 2.3.3 Vakum NT 30/1 Ap L

